



BAB
CHAPTER **7**

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) MANAGEMENT

Bahagian Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Ini termasuklah melaksanakan perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan ICT; merancang, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi Jabatan serta menyokong pelaksanaan aplikasi-aplikasi Kerajaan Elektronik (MyEG) di Jabatan; menyedia, memantau dan menyelenggara perkhidmatan rangkaian komunikasi Jabatan; memantau dan mengawal selia keselamatan ICT di seluruh Jabatan selaras dengan dasar keselamatan ICT JAS; menyediakan latihan-latihan ICT serta menyediakan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT kepada para pengguna di Jabatan.

Penarafan 5 Bintang Portal Jabatan Alam Sekitar

Portal Rasmi Jabatan Alam Sekitar telah berjaya mengekalkan pencapaian penarafan lima (5) bintang untuk tiga (3) tahun berturut-turut sejak 2011 sehingga 2013 dalam Penilaian Portal dan laman Web Sektor Awam Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013 yang dianjurkan oleh MAMPU dan Multimedia Corporation Sdn. Bhd (MDec)

The responsibility of the Information Technology Division, to the Department of Environment (DOE), is to provide Information and Communication Technology (ICT) infrastructure and services. This includes the procurement of hardwares, softwares and other ICT services such as; planning, developing, implementing and maintenance of application systems, including the support of the Electronic Government (MyEG) application system within the department, providing, monitoring and maintaining the department's network and communication services, monitoring and regulating the ICT security in accordance to the DOE ICT Security Policy, ICT training, technical advice and support for the DOE staff.

5 Star Achievement for the Department of Environment's Portal

This award is conducted by the MAMPU and Multimedia Corporation Sdn. Bhd. (MDeC). The Malaysian Government Portal and Website Assessment (MGPWA) 2013, awarded the Department of Environment's Official Portal, a five-star rating for three (3) consecutive years, from 2011 until 2013.

Media Sosial JAS

Jabatan Alam Sekitar telah mewujudkan lima (5) Laman Sosial Rasmi bagi menggalakkan interaksi dua hala di antara JAS dan orang awam iaitu:

- i. Facebook Rasmi Ketua Pengarah Alam Sekitar
<https://www.facebook.com/kpas.gov.my>
- ii. Facebook Rasmi Rakan Alam Sekitar
<https://www.facebook.com/pages/Rakan-Alam-Sekitar/127323927311254>
- iii. Facebook Rasmi Enviro-Knowledge Management Centre
<https://www.facebook.com/pages/Enviro-Knowledge-Management-Center/517335338319474?ref=stream>
- iv. Twitter Rasmi JAS
<https://twitter.com/jasnr>
- v. YouTube Rasmi JAS
<http://www.youtube.com/user/JabatanAlamSekitar>

Melalui saluran media sosial, JAS berharap interaksi ini akan memudahkan kedua-dua pihak dalam mengukuhkan jalinan kerjasama di antara kerajaan dan orang awam.

DOE Social Media

In encouraging two-way engagement between the DOE and the public, the five (5) Official Social Media Sites below, was established by the DOE;

- i. DOE's Director General Official Facebook Page
<https://www.facebook.com/kpas.gov.my>
- ii. Friends of the Environment Official Facebook Page
<https://www.facebook.com/pages/Rakan-Alam-Sekitar/127323927311254>
- iii. Enviro-Knowledge Management Centre's Official Facebook Page
<https://www.facebook.com/pages/Enviro-Knowledge-Management-Center/517335338319474?ref=stream>
- iv. DOE's Official Twitter Page
<https://twitter.com/jasnr>
- v. DOE's Official Youtube Channel
<https://www.youtube.com/user/JabatanAlamSekitar>

The DOE hopes that through the interaction of these social media channels, further cooperation will be strengthened between the government and the public.



Sosial Media Jabatan Alam Sekitar
Department of Environment's Social Media

Koleksi Video Jabatan Alam Sekitar

<http://www.youtube.com/user/JabatanAlamSekitar>

Jabatan Alam Sekitar telah mengumpul sebanyak 76 video dan memaparkannya dalam laman web *Youtube* siaran JAS. Koleksi-koleksi video yang disumbangkan oleh setiap Bahagian dan Unit membantu warga JAS dan orang awam untuk mengetahui lebih lanjut mengenai isu-isu alam sekitar.

Pada tahun 2013, seramai 257,477 orang telah melayari video-video berkenaan dan video popular pada tahun 2013 adalah video "Jingle Rakan Alam Sekitar" dengan jumlah tontonan sebanyak 231.

Department of Environment's Video Collection

<http://www.youtube.com/user/JabatanAlamSekitar>

In the year 2013, the Department of Environment had managed to collect and broadcast a total of 76 videos through its *Youtube* channel. The contribution of video compilations by the various departments and units within the DOE has bolstered awareness on environmental issues for both and public and DOE staff.

A total of 257,477 people have viewed these video uploads, in 2013, with the most popular video being the Jingle, "Friends of Environment", totaling 231 views.



Siaran Youtube Jabatan Alam Sekitar
Department of Environment's YouTube Channel

Rekabentuk Baru Laman Web EIMAS


<http://www.doe.gov.my/eimas>

Laman web rasmi EIMAS telah diberi wajah baru dengan menampilkan rekabentuk yang lebih ringkas dan menarik serta padat dengan kandungan berinformasi yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pengunjung laman web yang terdiri daripada warga JAS, para industri dan para perunding yang ingin mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di EIMAS.

New Design of EIMAS's Official Website

<http://www.doe.gov.my/eimas>

EIMAS's official website was given a fresh facelook that featured a much simpler yet attractive design, with a more summarized and informative content, that is expected to be more user-friendly, particularly for the DOE staff, the industry and consultants who wish to pursue courses offered by EIMAS.



Rekabentuk Baru Laman Web Rasmi EIMAS New Design of EIMAS's Official Website

Enviro-Knowledge Management Centre


<http://enviro.doe.gov.my>

Enviro-Knowledge Management Centre (EKMC) telah dibangunkan bagi menggalakkan warga JAS untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan alam sekitar secara digital. Selain berfungsi sebagai perpustakaan digital, EKMC juga berperanan sebagai satu pusat pengurusan maklumat alam sekitar yang boleh dijadikan sebagai rujukan utama kepada pengguna.

Enviro-Knowledge Management Centre

<http://enviro.doe.gov.my>

Enviro-Knowledge Management Centre (EKMC) was developed to encourage DOE stakeholders to digitally obtain information regarding the environment. Besides functioning as a digital library, EKMC also serves as a central environmental information management system in which users can access as a primary point-of-reference.



Enviro-Knowledge Management Centre (EKMC)

Poster Propaganda Alam Sekitar Sempena Hari Inovasi NRE Tahun 2013

Jabatan Alam Sekitar telah merangkul tempat pertama Pertandingan Poster Propaganda Alam Sekitar Sempena Hari Inovasi NRE Tahun 2013. Pertandingan ini yang telah diadakan pada 9 sehingga 30 September 2013 di ruang legar Dewan Baiduri telah disertai oleh semua Agensi di bawah NRE.

Anugerah berupa trofi dan wang hadiah sebanyak RM2000.00 telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha NRE kepada Cik. Nor Azlin binti Nazuki, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Seksyen Portal & Multimedia yang telah menghasilkan gambar poster tersebut.

Environmental Propaganda Posters in conjunction with NRE Innovation Year 2013

The Department of Environment had won first place to become the champion of the Environmental Propaganda Poster Competition, in conjunction with the NRE Innovation Year 2013, which was held from the 9th to 30th September 2013. The competition was attended by all agencies under the NRE and took place in the foyer of the Baiduri Hall.

YBhg. Dato 'Sri Zoal Azha bin Yusof, Secretary General of the NRE, presented the winner, Ms. Nor Azlin binti Nazuki, Assistant Information Technology Officer, Portal & Multimedia Section, with a trophy and prize money amounting to RM2000.00.



Poster dan Anugerah
Poster and Awards

Sistem Penguatkuasaan Dan Pemantauan Jarak Jauh Melalui Continuous Emissions Monitoring System (CEMS)


Sistem Penguatkuasaan Dan Pemantauan Jarak Jauh Melalui Continuous Emissions Monitoring System (CEMS) telah melalui proses transformasi yang besar yang dilaksanakan secara berfasa mulai 2012 dan siap sepenuhnya pada penghujung 2013. Proses transformasi ini melibatkan pemusatan Sistem CEMS di Ibu Pejabat JAS di Putrajaya, di mana ini bermaksud kesemua penghantaran data daripada premis industri akan disalurkan secara terus ke server CEMS di Ibu Pejabat JAS dan bukan lagi ke JAS Negeri yang berkenaan.

Sehingga penghujung tahun 2013, sejumlah 555 premis industri telah didaftarkan dalam Sistem Penguatkuasaan Dan Pemantauan Jarak Jauh Melalui Continuous Emissions Monitoring System (CEMS). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 7.14% berbanding 518 premis berdaftar pada tahun 2012. Sejumlah 458 premis telah berjaya menyalurkan data pelepasan bahan pencemar udara ke Sistem CEMS berbanding hanya 253 pada tahun 2012.

Remote Monitoring and Enforcement System via Continuous Emissions Monitoring System (CEMS)

Implemented in phases beginning 2012, the Remote Monitoring and Enforcement System via Continuous Emissions Monitoring System (CEMS), underwent a major transformation process, that was successfully completed by the end of 2013. The transformation process involved the centralization of CEMS servers at the DOE Headquarter in Putrajaya, which resulted in all data transfer processed from industrial premises being directed to the CEMS server at the DOE HQ, instead of the respected DOE State, previously.

At the end of 2013, a total of 555 industrial premises were registered in the Remote Monitoring and Enforcement System via Continuous Emissions Monitoring System (CEMS). This showed an increase of 7.14% compared to 518 registered premises in 2012. A total of 458 premises have successfully sent data transmissions through to the CEMS system, compared to only 253 premises transmitted in 2012.



Rajah 7.1 JAS : Bilangan Premis yang Berdaftar Dalam Sistem CEMS Mengikut Jenis Industri dan Negeri, 2013

Figure 7.1 DOE : Number of Premises Registered in the CEMS System by Industry and State, 2013

Projek Satu Log Masuk

Projek Satu Log Masuk atau lebih dikenali sebagai Projek SSO (Single Sign-On) merupakan salah satu daripada inisiatif Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah "Strategic Reform Initiatives – Public Service Deliver" (SRI-PSD) bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat secara berterusan. Tujuan utama Projek SSO adalah bagi memudahkan para pengguna berurusan dengan pelbagai perkhidmatan atas talian agensi-agensi Kerajaan dengan hanya menggunakan Satu Log Masuk melalui Portal Rasmi Kerajaan Malaysia iaitu Portal myGovernment.

Pada Disember 2012, MAMPU telah memulakan pelaksanaan Fasa Pertama Projek SSO yang melibatkan 10 agensi

The Single Sign-On Project

The Performance Management & Delivery Unit (PEMANDU), Prime Minister Department, under the "Strategic Reform Initiatives – Public Service Deliver" (SRI-PSD), mooted the idea of a Single Sign-On (SSO) Project, in the effort of continuously improving on public service delivery. The key objective of the SSO Project is to provide a single point of authentication in facilitating users access to all on-line services provided by the government, via a gateway through the Malaysian Government Official Portal, i.e. the myGovernment Portal.

In December 2012, MAMPU began implementing the first phase of the Single Sign-On Project involving 10 Government agencies. The Department of Environment were amongst the few chosen for this

Kerajaan. Jabatan Alam Sekitar adalah di antara agensi dalam pelaksanaan Fasa ini di mana Sistem Nota Konsainan terpilih untuk digunakan. Projek SSO Fasa Pertama ini telah berjaya dilancarkan pada 6 November 2013.

project, having its E-Consignment Note System selected for the initiative. On 6 November 2013, the first phase of the SSO Project was successfully launched.




Sesi Engagement Bagi Projek Single Sign-On Antara MAMPU Dan Jabatan Alam Sekitar
Engagement Session For The Single Sign-On Project Between
MAMPU and the Department of Environment

Status Pelaksanaan Sistem Nota Konsainan (E-CN)

Sehingga Disember 2013, jumlah pengguna berdaftar bagi Sistem Nota Konsainan (E-CN) adalah sebanyak 16,489 premis industri, iaitu kenaikan 69% berbanding 9,764 premis industri pada 2012. Sebanyak 184,123 nota konsainan, 10,185 notifikasi dan 54,049 inventori telah dikemukakan melalui sistem ini pada 2013.

Implementation Status of the E-Consignment Notes System (E-CN)

By the end of December 2013, the number of registered users on the E-Consignment Notes System (E-CN) reached 16,489 industrial premises, an increase of 69% compared to only 9,764 industrial premises in 2012. A number of 184,123 consignment notes, 10,185 notifications and 54,049 inventories were submitted using this system in 2013 alone.




Rajah 7.2 JAS :Bilangan Premis yang Berdaftar Dalam Sistem E-CN Mengikut Negeri, 2013
Figure 7.2 DOE : Number of Premises Registered in the E-CN System by State, 2013

Status Pelaksanaan Sistem Pelaporan Bulanan Pelepasan Efluen Perindustrian dan Kumbahan (MDMR)

Sehingga Disember 2013, jumlah pengguna berdaftar bagi Sistem Pelaporan Bulanan Pelepasan Efluen Perindustrian dan Kumbahan (MDMR) adalah sebanyak 6,756 premis industri, iaitu kenaikan 74.7% berbanding 3,865 premis industri pada 2012. Bilangan pelaporan yang telah dikemukakan melalui sistem ini adalah sebanyak 26,920 laporan pelepasan kumbahan, 16,325 laporan pelepasan efluen perindustrian dan 521 laporan pelepasan efluen campuran.

Implementation Status of the Monthly Industrial Effluent and Sewage Discharge Monitoring Report (MDMR)

By the end of December 2013, the number of users on the Monthly Industrial Effluent and Sewage Discharge Monitoring Report (MDMR) registered at 6,756 industrial premises, which is an increase of 105% compared to only 3,865 industrial premises in 2012. The number of reports submitted using this system were 26,920 reports for sewage discharge, 16,325 reports for industrial effluent discharge, and 521 reports for mixed effluent discharge, respectively.



Rajah 7.3 JAS : Bilangan Premis yang Berdaftar Dalam Sistem MDMR Mengikut Jenis Industri dan Negeri, 2013

Figure 7.3 DOE : Number of Premises Registered in the MDMR System by types of Industry and State, 2013

Perluasan Sistem m-FORCE Fasa 1

Sistem m-FORCE ataupun dikenali juga sebagai Sistem Penguatkuasaan Bergerak telah dilaksanakan di 3 lokasi perintis iaitu JAS Negeri Selangor, JAS Negeri Johor dan JAS Cawangan Sepang pada tahun 2012. Pada tahun 2013, sistem ini telah ditambahbaik dan diperluaskan ke 4 lokasi lagi iaitu JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JAS Negeri Perak, JAS Negeri Pulau Pinang dan JAS Negeri Sembilan.

m-FORCE System Roll-Out Phase 1

The m-FORCE System, also known as the Mobile Enforcement System, was carried out in 3 pilot sites namely DOE Selangor, DOE Johor and DOE Sepang Branch in 2012. In 2013, the system was enhanced further and introduced into 4 more sites, namely DOE Kuala Lumpur, DOE Perak, DOE Penang and DOE Negeri Sembilan.



Latihan Sistem m-FORCE
m-FORCE System Training Sessions

Sistem Maklumat Geografi Alam Sekitar (SMGAS)

Pelaksanaan program pembangunan GIS serta penggunaan GIS diteruskan menerusi peruntukan Pembangunan Sistem Maklumat Geografi Alam Sekitar (SMGAS) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (2011-2015). Pada tahun 2013, program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Pembangunan Sumber Manusia GIS;
- b) Pembangunan Data & Aplikasi GIS; dan
- c) Pembangunan Infrastruktur GIS.

Pembangunan Sumber Manusia GIS

Pada tahun ini, kursus GIS telah dilaksanakan dengan kerjasama Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) melibatkan pelaksanaan 3 sesi kursus iaitu Modul Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Selain itu dua (2) siri bengkel serta satu (1) mesyuarat telah diadakan bagi memastikan penyelarasan pembangunan dan penggunaan GIS dapat dilaksanakan di setiap JAS Negeri dan Bahagian.

Sebanyak 22 sesi latihan hands on GIS di setiap JAS Negeri dan JAS Bahagian telah dilaksanakan. Ia bertujuan bagi memberi latihan dan pendedahan mengenai penggunaan aplikasi GIS yang telah disediakan kepada semua pegawai JAS Negeri dan Bahagian.

Environmental Geographic Information System (SMGAS)

Under the Tenth Malaysia Plan (2011-2015), the implementation and development of the GIS continued through the Development of Environmental Geographic Information System's (SMGAS), provision. The list of programs implemented in 2013, are as follows:

- a) GIS Human Resource Development;
- b) GIS Data Development and GIS Application; and
- c) Development of GIS Infrastructure.

GIS Human Resource Development

This year, three (3) GIS courses have been conducted in collaboration with the Environment Institute of Malaysia (EiMAS), being the Basic, Intermediate and Advanced modules. Apart from that, two (2) series of workshops and one (1) meeting were held to ensure better coordination of the development and use of GIS, that had been implemented in all DOE state office and division.

A total of 22 hands-on GIS training programme sessions, between each DOE state office and division, were also conducted, with the aim to provide training and exposure to the use of GIS applications which had been made available to all DOE officers.




Program Latihan Hands On GIS
GIS Hands-On Training Program

Pembangunan Infrastruktur GIS

Pada tahun 2013, selain daripada membaharui lesen-lesen perisian GIS sediaada, Seksyen GIS juga telah membuat perolehan 17 unit rugged mobile GIS untuk dilaksanakan secara perintis. Peralatan ini telah diagihkan kepada pejabat JAS Negeri Selangor dan cawangannya, Kuala Lumpur serta Negeri Sembilan bagi tujuan penggunaan di lapangan. Peralatan ini dapat meningkatkan tahap keberkesanan pegawai JAS dalam menguruskan alam sekitar.

GIS Infrastructure Development

In 2013, apart from renewing licenses of existing GIS softwares, the DOE also procured 17 units of rugged mobile GIS to be used on a pilot basis. The equipment was distributed to the DOE's of the State of Selangor's and its branches, Kuala Lumpur and Negeri Sembilan, to be used in their fieldwork. The use of this equipment is intended to enhance the effectiveness of DOE officers in managing the environment.




Rugged Mobile GIS bagi kegunaan pegawai JAS di lapangan
Rugged Mobile GIS for DOE officers in the field

Pembangunan Data dan Aplikasi GIS

Pembangunan data spatial di JAS sama ada dibangunkan secara dalaman mahupun secara perolehan adalah bertujuan bagi melengkapkan Sistem Maklumat Geografi Alam Sekitar di JAS. Semua maklumat spatial ini telah dikemaskini dalam aplikasi GIS didalam Portal GIS. Pada tahun 2013, fokus pemetaan spatial punca pencemaran alam sekitar telah berjaya dilaksanakan bagi semua lembangan utama di Malaysia. Pendekatan ini sebagai satu langkah pencegahan awal ke arah pengesanan sebelum aduan pencemaran dan juga dapat membantu merealisasikan pencapaian penguatkuasaan yang lebih berkesan dan bermakna.

GIS Data and Applications Development

Spatial data within the DOE, either developed internally or obtained from other agencies are intended to complement the Environmental Geographic Information System. All spatial information are then updated in the GIS application via the GIS Portal. In 2013, focus was given on spatial mapping of environmental pollution sources, in all major basins in Malaysia. This approach, which was an early preventive measure towards pollution (detection before complaint), helped achieve more effective and meaningful enforcements.



Punca pencemaran alam sekitar spatial bagi seluruh Malaysia yang telah dipetakan
Mapped out spatial environmental pollution sources in Malaysia

Perolehan dan Pelupusan Peralatan ICT

Pada tahun 2013, Bahagian Teknologi Maklumat telah membuat perolehan sejumlah 41 unit komputer desktop, 43 unit komputer riba, 29 unit pencetak, tiga (3) unit pelayan dan 40 unit tablet PC. Manakala sejumlah 74 unit komputer desktop, 20 unit komputer riba dan 78 unit pencetak telah dilupuskan pada tahun yang sama.

Procurement and Disposal of ICT Equipments

In 2013, the Information Technology Division acquired a total of 41 desktop computers, 43 laptops, 29 printers, three (3) servers and 40 tablet PCs. Meanwhile, a total of 74 desktop computers, 20 laptops and 78 printers were disposed within the same year.

Program Latihan ICT

Pada tahun 2013, Bahagian Teknologi Maklumat dengan kerjasama EiMAS telah menganjurkan sebanyak 11 program latihan ICT, termasuklah kursus, bengkel dan taklimat ICT sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran ICT di kalangan kakitangan JAS. Program latihan tersebut ialah:

- i) Program Pemantapan ICT;
- ii) Kursus Penyelenggaraan Komputer Sesi 1;
- iii) Kursus Penyelenggaraan Komputer Sesi 2;
- iv) Kursus Microsoft Office Suite 2010 – Pertengahan (Sesi 1);
- v) Kursus Microsoft Office Suite 2010 – Pertengahan (Sesi 2);
- vi) Latihan Pengguna E-KAS: Inventori dan Penguatkuasaan;
- vii) Latihan Pengguna E-KAS: Buangan Terjadual;
- viii) Latihan Pengguna E-KAS: Projek EIA;
- ix) Kursus GIS Sesi 1;
- x) Kursus GIS Sesi 2; dan
- xi) Kursus GIS Sesi 3.



ICT Training Programmes

In 2013, the Information Technology Division collaborated with EiMAS in organizing a total of 11 ICT training programmes, including courses, workshops and talks on ICT, in its effort to increase the understanding, knowledge and skills of the DOE staff in ICT. The training programmes conducted were as follows:

- i) ICT Enhancement Programme;
- ii) Computer Maintenance Session 1;
- iii) Computer Maintenance Session 2;
- iv) Microsoft Office Suite 2010 – Intermediate Level (Session 1);
- v) Microsoft Office Suite 2010 – Intermediate Level (Session 1);
- vi) End User System Training of E-KAS: Inventory and Enforcement;
- vii) End User System Training of E-KAS: Scheduled waste;
- viii) End User System Training of E-KAS: EIA Project;
- ix) GIS Course Session 1;
- x) GIS Course Session 2; and
- xi) GIS Course Session 3.

Pensijilan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) MSISO/IEC27001:2007

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memperolehi pensijilan ISMS MSISO/IEC27001:2007 daripada SIRIM bagi tempoh 22 Februari 2013 sehingga 21 Februari 2016. Skop pensijilan ISMS JAS merangkumi Pengurusan dan Pemantauan Operasi Pusat Data Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.

Audit Pensijilan Peringkat 1 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd telah dilaksanakan pada 14 Januari 2013. Manakala Audit Pensijilan Peringkat 2 oleh SIRIM telah dilaksanakan 7 hingga 8 Februari 2013.

Information Security Management Systems (ISMS) MSISO/IEC27001:2007 Certification

The Department of Environment (DOE) had obtained the ISMS MSISO/IEC27001:2007 certification, from SIRIM, for the period between 22 February 2013 till 21 February 2016. The scope of the DOE ISMS certification includes the Management and Monitoring of the DOE Headquarter's Data Centre Operations.

The 1st Stage of the Certification Audit by SIRIM QAS International Sdn Bhd was held on 14th January 2013, while the 2nd Stage of Certification Audit was carried out from 7th to 8th February 2013.



Sijil ISMS Jabatan Alam Sekitar
Department Of Environment's ISMS Certificate

